

01 AUG 2003

Mahathir-Air

BEKALAN KE S'PURA TAK TERJEJAS WALAUPUN PUSAT AMBIL ALIH URUSAN AIR NEGERI

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah kerajaan pusat mengambil alih pengurusan bekalan air di negeri-negeri tidak memberi sebarang kesan daripada segi bekalan air Malaysia kepada Singapura.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan terus membekalkan air mentah kepada republik itu seperti yang termeterai dalam perjanjian antara kedua-dua negara sebelum ini.

"Kita bagi janji dan kita akan tunaikan janji," katanya pada sidang media di sini hari ini selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak antara kerajaan dan Gerbang Perdana Sdn Bhd, kontraktor bagi projek Gerbang Perdana di Johor Baharu yang melibatkan pembinaan jambatan darat, sebuah jambatan kereta api dan kerja lain yang berkaitan bagi menggantikan sebahagian daripada Tambak Johor.

Dr Mahathir ditanya sama ada langkah kerajaan pusat berhubung pengambil alihan pengurusan bekalan air itu seperti yang diumumkan oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dua hari lepas, akan memberi kesan dalam pembekalan air Malaysia kepada republik itu.

Malaysia dan Singapura kini terlibat dalam pertikaian berhubung harga air ekoran keengganan republik itu menaikkan kadar harga air mentah yang dibelinya dari negara ini iaitu tiga sen bagi setiap 1,000 gelen kepada satu kadar yang lebih berpatutan

Singapura bertegas bahawa Malaysia tiada hak untuk mengkaji semula harga air dengan alasan negara ini gagal berbuat demikian pada tahun 1986 dan 1987, tepat 25 tahun selepas dua perjanjian air ditandatangani iaitu pada 1961 dan 1962.

Bagaimanapun, Fasal 17 Perjanjian Air 1961 dan Fasal 14 Perjanjian Air 1962 menyatakan bahawa harga air "adalah tertakluk kepada kajian semula selepas tamat tempoh 25 tahun."

Malaysia berpegang bahawa ia masih berhak berbuat demikian kerana 25 tahun selepas 1961 dan 1962 bermakna bila-bila masa sahaja selepas 1986 dan 1987 dan bukan semestinya dilakukan pada 1986 dan 1987.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai iklan yang dibuat oleh kedua-dua pihak dalam akhbar baru-baru ini bagi memberi penjelasan tentang pendirian masing-masing berhubung isu air itu.

Beliau berkata: "Saya fikir tempoh untuk berbincang dan berunding sudah berakhir. Kita mahukan timbang tara.

"Berdasarkan peruntukan perjanjian-perjanjian itu, jika ada pertikaian yang tidak boleh diselesaikan, maka pilihlah timbang tara."

Perdana Menteri juga berkata bahawa sejak iklan-iklan itu disiarkan, belum ada sebarang komunikasi antara kedua-dua pihak.

-- BERNAMA

MAM MAI